

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMPIDAS ORANG-ORANG YANG MEMPERALATKAN UMNO BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA ORANG-ORANG INI SENTIASA LERSEDIA DAN BERUSAHA MENGAMBIL KESEMPATAN DAN MENANGGUK DI AIR KEROH APABILA BERLAKU SEBARANG KRISIS ATAU MASALAH DALAM UMNO.

PERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN PERGERAKAN PEMUDA DAN UMNO BAHAGIAN SELAYANG DI SINI BELIAU MENEGASKAN APABILA BERLAKU KRISIS DALAM PARTI PIHAK-PIHAK INI AKAN +MENGAPI- APIKAN+ PERASAAN AHLI DENGAN TUJUAN HENDAK MEREBut KUASA DAN MENDAPAT PENGARUH.

KATANYA, APABILA INI BERLAKU KEADAAN POLITIK AKAN MENJADI TIDAK TENANG DAN AKIBATNYA BUKANLAH MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA PARTI TETAPI SEMATA-MATA MEMBERI FAEDAH KEPADA PIHAK-PIHAK TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR LALU MENGINGATKAN AHLI-AHLI UMNO JANGAN MEMBENARKAN PERKARA ITU BERLAKU BAGI MENYELAMATKAN PARTI DARI HANGUR DI TANGAN, +ORANG-ORANG INI+.

--PERSAMBUNG 1152/MD

££

B514

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIK PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN BAHAWA TIDAK ADA ORANG LUAR YANG MEMPERJUANGKAN UMNO.

PERJUANGAN UMNO, KATANYA, HANYA DILAKUKAN OLEH ORANG-ORANG UMNO DAN HANYA UMNO SAJA YANG MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.

+OLEH ITU ADALAH PENTING BAGI ORANG-ORANG UMNO SENDIRI MEMPASTIKAN KEJAYAAN PERJUANGAN UMNO DAN UNTUK MENJAYAKAN INI MEREKA PERLU MEMIKIRKAN CARA-CARA MENGGUNAKAN PARTI BAGI MATLAMAT-MATLAMAT INI, + TEGASNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI SEBELUM ITU MENGINGATKAN AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMIKIRKAN SEDALAM-DALAMNYA SEGALA IKTIAR BAGI MENGATASI SEBARANG KRISIS ATAU MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL DALAM UMNO.

MEREKA, KATANYA, TIDAK BOLEH BERTINDAK MENGIKUT PERASAAN HATI UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH ITU.

SEBALIKNYA, PERHITUNGAN YANG MENDALAM PERLU DIJALAN DAN IKTIAR DICARI SUPAYA SEGALA SALURAN DAN PERUNTUKAN YANG DISEDIAKAN DALAM PERLEMBAGAAN PARTI DAPAT DIGUNAKAN BAGI MENYELESAIKAN MASALAH.

--PERSAMBUNG 1156/MD

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

+INILAH CARA YANG SEBAIK-BAIKNYA YANG PATUT KITA LAKUKAN BAGI MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH YANG KITA HADAPI, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN GEMBIRA KERANA UMNO WALAUPUN TELAH BANYAK KALI MENGALAMI KRISIS DAN MASALAH SEJAK DITUBUHKAN 32 TAHUN YANG LALU TELAH DAPAT MENYELESAIKANNYA DENGAN BAIK DAN CEKAP.

KEJAYAAN INI BUKAN SAJA MEMPERKUKUKKAN LAGI KEDUDUKAN DAN PERPADUAN PARTI TETAPI MENAMBAHKAN LAGI KEUPAYAAN UMNO, KATANYA.

+HAKIKAT INI PERLU DIRENUNGI BERSAMA OLEH SETIAP AHLI UMNO SUPAYA DAPAT DIJADIKAN PANDUAN APABILA MENGHADAPI SEBARANG MASALAH PADA MASA DEPAN, + TEGASNYA. --BERNAMA 1200/MD